



KPDNHEP Putrajaya merampas 429 tong LPG susulan serbuan di tiga premis di Kampung Sungai Pinang Dalam, semalam.

KPDNHEP Putrajaya rampas 429 tong LPG

Klang: Tidak sempat milarikan diri apabila tiga 'da-lang' sindiket penyelewengan tong gas petroleum cecair (LPG) subsidi berjaya diberkas dalam serbuan mengejut, semalam.

Dalam operasi bermula jam 2.30 petang, sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya berjaya merampas 429 tong LPG susulan serbuan di tiga premis di Kampung Sungai Pinang Dalam di sini.

Timbalan Pengarah Penguatuasa KPDNHEP Putrajaya, Azman Adam berkata, ketiga-tiga premis yang diserbu serentak itu disyaki satu rangkaian

yang membekalkan gas subsidi diseleweng untuk pasaran kawasan sekitar.

"Dalam serbuan di premis pertama, kami merampas beberapa dokumen yang membuktikan bahawa mereka membekalkan tong gas LPG ke beberapa tempat.

"Hasil maklumat itu, kami berjaya menyerbu premis kedua dan mendapati berlaku aktiviti memindahkan gas subsidi. Jadi kami merampas 194 tong gas LPG (14 kg), 59 tong (50 kg), sebuah lori serta dua penimbang.

"Seterusnya kami ke premis ketiga dan merampas 176 tong gas LPG (50 kg). Jumlah keseluruhan rambutan dianggarkan bernilai RM130,000," katanya.